



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH BALING
09100 BALING
KEDAH DARUL AMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada penduduk Negeri Kedah yang menetap di Daerah Baling) yang berkeelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman seperti yang dinyatakan di bawah :

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI	TARAF
1.	PEMBANTU AWAM	H11	KEMAHIRAN	TETAP

A. PEMBANTU AWAM GRED H11 (2 KEKOSONGAN)

1. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
2. Jabatan : Pejabat Daerah dan Tanah Baling
3. Jadual Gaji :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00

4. Syarat lantikan

a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia (LELAKI SAHAJA)
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- iii. Pentaksiran Tingkatan tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,218.00)
- iv. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- v. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

b) Deskripsi Tugas

- i. Menjalankan tugas-tugas am bersifat '*hands on*' yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan di luar bangunan pejabat.
- ii. Menjalankan tugas- tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja
- iii. Menjalankan kerja-kerja memotong rumput di Pejabat Penghulu Mukim

B. TARAF JAWATAN

Tetap

C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT – SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN – KEMUDAHAN

1. Pegawai – pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat- syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan – pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, Faedah Rawatan Perubatan, pinjaman, Bantuan Sara Hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

D. CARA MEMOHON

1. Borang permohonan boleh diperolehi di laman web ***webpdt.kedah.gov.my***
2. Semua maklumat yang diberikan di dalam borang permohonan hendaklah benar. Jika terdapat sebarang penipuan di dalam maklumat yang diberikan, permohonan akan dibatalkan serta merta dan nama pemohon akan disenarai hitamkan.
3. Semua permohonan hendaklah disertakan Salinan dokumen- dokumen berikut yang telah disahkan bersama-sama borang permohonan;
 - a) Sekeping gambar (terbaharu) berukuran passport.
 - b) Kad Pengenalan
 - c) Sijil Pendaftaran Kelahiran / Sijil Lahir
 - d) Sijil Berhenti Sekolah
 - e) Sijil Persekolahan
 - f) Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi yang terkini bagi calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan.

4. Borang permohonan yang telah diisi lengkap **bertulis tangan** hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 23cm x 32cm. Di penjurong atas sebelah kiri sampul surat berkenaan hendaklah ditulis dengan **HURUF BESAR** yang jelas **JAWATAN YANG DIPOHON**.
5. Semua permohonan hendaklah sampai ke alamat berikut :


**PEGAWAI DAERAH BALING,
PEJABAT DAERAH DAN TANAH BALING,
09100 BALING,
KEDAH DARUL AMAN.**

E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **18 Disember 2022 (Ahad) sebelum jam 12.00 tengahari**.

F. CATATAN AM

1. Hanya calon- calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ujian fizikal dan temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
2. Calon yang tidak dipanggil adalah kerana tidak memenuhi syarat Asas Tapisan hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA** jika tidak menerima sebarang makluman selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan.
3. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan mengikut kepentingan perkhidmatan.
4. Sila Patuh pada arahan yang ditetapkan.



SYARIF SHAHADAN BIN HAJI ABDULLAH
SDK, AMK, BCK.
Pegawai Daerah Baling
Pejabat Daerah Dan Tanah Baling
Kedah Darul Aman